

Headline	DURIAN BELANDA TANAMAN PELBAGAI MANFAAT		
MediaTitle	Harian Metro	Color	Full Color
Date	21 Jun 2016	Circulation	1,270,667
Section	Agro	Readership	3,812,000
Page No	6	ArticleSize	194 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 7,642
Journalist	N/A	PR Value	RM 22,927
Frequency	Daily		



DURIAN BELANDA TANAMAN PELBAGAI MANFAAT

SENARAI

Durian belanda adalah pokok yang berasal dari hutan tropika Caribbean Amerika Selatan yang kini ditanam di Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia.

Nama lain bagi durian belanda adalah durian selat, durian makkah, nona belanda, sirsak, durian sayur (Kelantan), durian Eropah (Langkawi), seri kaya belanda.

Ia sejenis pokok tidak bermusim dan tumbuhan ini membiak melalui keratan batang serta biji benih. Malah

ia juga sejenis tumbuhan mempunyai dahan yang padat iaitu ranting dari pangkal hingga ke pucuk pokok.

Ketinggian pokok durian belanda hanya mencapai kira-kira sembilan meter. Daunnya berbentuk ringkas dan tersusun secara berselang-seli pada rantingnya.

Daun berukuran 5.5 hingga 18 sentimeter (cm) panjang, 2 hingga 7cm lebar, berwarna hijau gelap dan berbau busuk.

Bunganya pula keluar secara tunggal atau dua kuntum pada tempat yang

sama, berbentuk segi tiga, tebal, berwarna hijau pada mulanya dan berubah menjadi kuning pucat apabila mekar.

Sementara itu, buahnya dilitupi duri yang lembut, berwarna hijau, berukuran 15 hingga 35cm panjang dan 10 hingga 15cm lebar. Buahnya mempunyai biji banyak dan berwarna hitam serta dilindungi cangkerang biji yang keras.

Apatah lagi buahnya itu boleh dimakan segar dengan rasa yang manis. Bahagian akar, kulit dan daun dipercayai boleh membantu merawat

kencing manis.

Daun pokok durian belanda boleh membantu merawat luka di luar tubuh dan membuang kutu di kepala serta pepijat pada tilam atau bantal.

Begitu juga dengan dahan pokok dan daun jika diletakkan pada tempat tersorok seperti di bawah almari berupaya mengelakkan tikus memasuki rumah.

Bahagian yang boleh digunakan dalam perubatan tradisional adalah buah, daun akar dan biji. - Sumber Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)

